



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **Bagaimana Tawaf Ifadhah Dan Wada‘ Bagi Perempuan Haidh Yang terpaksa Meninggalkan Tanah Haram?**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas  
Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Antara syarat sah tawaf ialah suci daripada hadas kecil mahupun besar dan suci daripada najis sama ada pada pakaian, badan dan tempat tawaf. Ini kerana tawaf di Baitullahil Haram adalah juga seperti sembahyang sebagaimana yang dikhabarkan oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

( )

**Maksudnya:** *“Sesungguhnya tawaf di Baitullahil Haram itu adalah seperti sembahyang, kecuali (pada ketika tawaf) kamu (boleh) berkata-kata. Maka barangsiapa yang berkata-kata, janganlah dia berkata-kata melainkan dengan (kata-kata yang) baik.”*

(Hadis riwayat al-Hakim)

Oleh kerana suci daripada hadas dan najis menjadi syarat sah tawaf, maka perempuan yang haidh adalah terhalang daripada melaksanakan tuntutan tersebut. Persoalan yang timbul ialah tentang kedudukan tawaf *ifadhah* dan tawaf wada‘ perempuan yang kedatangan haidh itu sebelum mereka sempat melaksanakan kedua-dua tawaf tersebut kerana terpaksa meninggalkan Tanah Haram dan pulang ke tanah air, walhal mereka masih dalam keadaan berhadas, yakni tidak memenuhi syarat tawaf.

## **Kedudukan Tawaf *Ifadhah* Bagi Perempuan Yang Haidh**

Tawaf *Ifadhah* (tawaf haji) adalah salah satu daripada rukun ibadah haji yang wajib dikerjakan. Ibadah haji belum sempurna jika ia tidak dikerjakan. Oleh itu seorang perempuan yang kedatangan haidh ketika masih di dalam ihram haji, sedangkan dia belum menunaikan tawaf *ifadhah*, maka perempuan yang kedatangan haidh itu hendaklah sabar menunggu sehingga darah haidhnya kering. Selepas itu dia mandi hadas dan seterusnya mengerjakan tawaf.

Jika perempuan yang kedatangan haidh itu terpaksa juga keluar dari Tanah Haram dan tidak sempat menunggu darah haidhnya kering kerana pulang ke negaranya, maka ada beberapa jalan keluar yang boleh diikutnya:-

1. Jika perempuan yang datang haidh itu dapat menahan haidhnya dengan menggunakan ubat atau haidhnya terhenti seketika, kemudian mandi hadas dan melakukan tawaf, apabila darah haidhnya kembali semula selepas dia bermusafir, maka dia boleh beramal dengan salah satu dari dua pendapat Imam asy-Syafi'e *Rahimahullah* yang mengatakan bahawa perempuan yang kedatangan haidh ketika darahnya terhenti sehari lepas sehari, maka hari darahnya terhenti itu adalah dikira sebagai hari suci.
2. Jika perempuan yang didatangi haidh itu tidak berhenti haidhnya, sedangkan dia takut tertinggal daripada rombongannya yang mana ditakuti akan mengakibatkan kemudharatan ke atas *nafaqah* (perbelanjaan ketika musafir) atau ke atas dirinya, maka dia diharuskan mengikut rombongannya tanpa mengerjakan tawaf *ifadhah* berkenaan. Apabila tiba di tempat yang mana dia tidak mungkin lagi kembali semula ke Makkah kerana ditakuti kemudharatan berlaku pada dirinya atau hartanya jika dia kembali ke Makkah, maka harus dia bertahallul dengan menyembelih seekor kambing (kemudian bergunting dengan berniat *tahallul* ketika

melakukan kedua-dua perkara itu seperti yang dilakukan oleh orang *muhshar* (iaitu orang yang ditahan daripada datang ke Makkah bagi mengerjakan haji). Dengan berbuat demikian maka lepaslah dia daripada segala ikatan ihramnya dan harus dia melakukan perkara-perkara yang dilarang ketika dia sedang berihram. Akan tetapi kewajipan tawaf tersebut masih lagi tertanggung ke atas dirinya sehingga dia kembali semula ke Makkah untuk melaksanakan tawaf tersebut. Dan jika dia hendak melakukan tawaf tersebut setelah dia kembali semula ke Makkah, dia dikehendaki berihram untuk mengerjakan tawaf itu sahaja tanpa melakukan ibadah-ibadah haji yang telah dilakukannya sebelum itu seperti wuquf dan lain-lain.

Atau boleh juga perempuan itu bertaqlid kepada pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad *Rahimahumallah* pada satu riwayat yang mengatakan perempuan haidh itu hendaklah membalut tempat keluar haidh supaya tidak keluar darah haidh seperti menitis dan sebagainya kemudian dia melakukan tawaf dan dia menyembelih *badanah* iaitu unta atau lembu. Dalam hal ini dia tetap berdosa kerana masuk ke masjid dalam keadaan haidh. Namun tawaf yang dilakukannya itu adalah tertunai.

### **Hukum mengerjakan Tawaf Wada' Bagi Perempuan Yang Haidh**

Perempuan yang haidh tidak wajib mengerjakan tawaf wada' berdasarkan hadis-hadis Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, antaranya:

- i. Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* katanya, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “Diperintahkan manusia pada akhir masa mereka berada di negeri Makkah (mengerjakan tawaf di keliling) Baitullah (Ka‘bah), kecuali diberi keringanan (untuk tidak bertawaf) kepada perempuan yang haidh.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

- ii. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar *Radhiallahu ‘anhuma*, katanya, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “Sesiapa yang mengerjakan haji di Baitullah (Ka‘bah), maka hendaklah di akhir masa berada di negeri Makkah (mengerjakan tawaf) di keliling Baitullah (Ka‘bah), kecuali perempuan yang haidh dan Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* memberi keringanan (kelonggaran) kepada mereka itu.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Berdasarkan hadis-hadis di atas, maka dapat disimpulkan bahawa perempuan yang kedatangan haidh boleh keluar meninggalkan Makkah tanpa perlu mengerjakan tawaf wada‘, dan dia tidak dikenakan dam (denda) sebagaimana disebutkan oleh ar-Ruyani *Rahimahullah*.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Salamah dan Urwah *Radhiallahu ‘anhuma*:

:

:

!

:

((

))

:

( )

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya ‘Aisyah berkata: “Shafiyyah binti Huyai datang haidh setelah selesai mengerjakan tawaf ifadhah”. ‘Aisyah berkata: “Maka aku beritahukan perkara haidhnya itu kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam.” Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: “Adakah dia menghalangi kita?” ‘Aisyah berkata: “Maka aku menjawab: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya dia telah mengerjakan haji dan tawaf (ifadhah) di Baitul Haram, kemudian dia datang haid setelah mengerjakan tawaf ifadhah.” Maka Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Maka biarkan dia berangkat pulang (tanpa melakukan tawaf wada’).*

(Hadis riwayat Muslim)

Hadis tersebut adalah dalil yang menunjukkan gugurnya kewajiban tawaf wada’ terhadap perempuan yang haidh.

Walau bagaimanapun jika semasa meninggalkan kota Makkah, dia suci daripada haidh sebelum keluar daripada kota Makkah, maka dia diwajibkan kembali untuk mengerjakan tawaf wada’. Berlainan halnya jika dia suci setelah berada di luar kota Makkah, dia tidak diwajibkan kembali ke Makkah untuk mengerjakan tawaf wada’, sekalipun dia masih di tanah haram.

Demikian panduan bagi jemaah haji khususnya jemaah haji perempuan tentang kedudukan perempuan yang datang haidh yang terpaksa pulang ke tanah air sedangkan dia belum melakukan tawaf *ifadhah*. Dalam mengerjakan ibadah kepada Allah Subhanahu wa Ta‘ala, baik yang fardhu mahupun yang sunat, apa yang kita inginkan ialah kesempurnaannya. Semoga dengan menitikberatkan kesempurnaan itu amal ibadah kita diterima Allah Subhanahu wa Ta‘ala.